

Usah campuri pertikaian Pemuda, Suqiu: Dr Ling

BH 28 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Ahad—Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menasihatkan pihak lain agar tidak campur tangan dalam perbalahan di antara Pergerakan Pemuda Umno dan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) berhubung isu hak keistimewaan orang Melayu.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata pihak lain tidak harus merumitkan isu itu kerana perkara itu membabitkan Pemuda Umno dan Suqiu.

“Biar ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Pemuda Umno menjelaskan tindakan mereka sebelum kita membuat sebarang komen. Jangan merumitkan isu ini,” katanya di sini hari ini selepas menyerahkan bendera Malaysia kepada kontinjen Chinwoo ke Kejohanan Wushu Chinwoo Sedunia keenam di Tianjin, China bermula 3 hingga 7 September ini.

Isu yang sudah reda pada Rabu lalu apabila Kabinet memutuskan semua pihak menghentikan perbincangan secara terbuka mengenainya, kembali hangat apabila Pemuda Umno bertegas mahu Suqiu memohon maaf kepada masyarakat Melayu kerana berdolak-dalik dalam isu itu.

Jumaat lalu, Hishammuddin berkata, jika Suqiu tidak menarik ba-

lik isu itu yang terkandung dalam 17 tuntutan, pihaknya tidak menolak kemungkinan akan bertindak balas termasuk membangkitkan pendirian dan tindakan selanjut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata, Kabinet sudah memutuskan bahawa isu itu sudah berakhir dan semua pihak harus memelihara keamanan, keharmonian dan kestabilan negara.

“Di peringkat Kabinet, perkara itu sudah jelas dan berakhir. Jadi kita harus bawa perkara itu balik kepada keadaan normal. Keamanan, keharmonian dan kestabilan adalah paling penting. Itu adalah keputusan Kabinet,” katanya.